

Jajahan Kecil

# LOJING



# Jajahan Kecil LOJING

## MAKLUMAT AM

'Lojing' atau 'Lujing' adalah satu kawasan yang kurang dikenali suatu ketika dahulu. Pada awal 1980an, melalui aktiviti - aktiviti pembalakan, Lojing mula menjadi sebutan ramai. Lojing terletak di barat daya negeri Kelantan, berkeluasan 181,700 hektar (1,817 kilometer persegi). Jajahan Kecil Lojing kira-kira  $\frac{1}{4}$  dari keluasan jajahan Gua Musang keseluruhan. Berketinggian 610 meter hingga 1,500 meter dari paras laut. Suhu antara 18C hingga 25C.

Sumber air untuk kegunaan penduduk di Cameron Highlands telah diambil daripada Sungai Plau'ur di Lojing, Kelantan mulai tahun 1936 lagi. Denai denai jalan pembalakan merupakan asas jalan pertama untuk ke kawasan Lojing dan Cameron Highlands.

Penerokaan awal di Tanah Tinggi Lojing telah dimulakan oleh masyarakat Orang Asli di tepi Sungai Belatop dan Sungai Brooke. Sehingga kini belum ada kajian yang khusus untuk mengetahui asal usul nama Lojing. Mengikut cerita daripada orang asli di kawasan tersebut, nama Lojing telah lama digunakan. Ada juga, cerita satu keluarga orang asli yang diketuai oleh seorang bernama 'Ajing' telah mula membuka penempatan di kawasan Sungai Belatop. Dengan nama Ajing itu akhirnya kawasan tersebut dipanggil 'Lojing'.

Hanya pada awal tahun 1980an beberapa agensi kerajaan serta syarikat-syarikat swasta seperti Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Veneu Vision Sdn.Bhd. Multi System Sdn.Bhd., Theme Industries Sdn.Bhd., Liquid Gold Sdn.Bhd. All Green Agritech Sdn.Bhd., Syarikat Arena Proaktif (Agridex Sdn.Bhd), Aspec Floritech Sdn.Bhd., CSN Enterprise

Sdn.Bhd., Acomax Holding Sdn.Bhd., SIKADA Sdn.Bhd. dan Mengkebang Resources Sdn.Bhd. telah juga menerokai Tanah Tinggi Lojing dengan pelbagai projek pertanian.

Mulai 1 Jun 2006 Pejabat Pusat Kawalan Selia Lojing telah mula beroperasi dengan menempatkan 7 orang pegawai dan kakitangan. Selain daripada itu, Unit Dakwah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan (MAIK) telah berkerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kelantan/Terengganu dan Yayasan Dakwah Islam Malaysia Cawangan Negeri Kelantan (YADIM) bagi mengadakan gerakan dakwah terutamanya kepada orang asli seperti di Pos Hendrop, Pos Mandrop, Pos Tuel, Pos Sendrop dan Pos Brooke.

Pada peringkat awal laluan ke Lojing dan Cameron Highlands, melalui tiga jalan utama iaitu Jalan Kg. Pulau, Jalan Galas Setia dan Jalan Sungai Raya telah digunakan. Bagi merealisasikan pembangunan di kawasan Lojing dan sekitarnya pihak kerajaan telah mula membina jalan raya yang bermula dari Simpang Puai, Perak ke Lojing dan terus ke Gua Musang, Kelantan. Jalan ini siap sepenuhnya pada tahun 2006.

Kerajaan Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Ke 15/2008 yang bersidang pada 6 Ogos 2008 telah menimbang dan membuat keputusan bersetuju dengan cadangan mewujudkan Jajahan Kecil Lojing. Jajahan kecil Lojing telah diwartakan pada 24 Jun 2010 sebagaimana Pelan Warta No. PW 966. Daerah – daerah yang diwartakan ialah Daerah Betis, Daerah Hau dan Daerah Sigar. Dengan itu, kawasan ini telah terhenti menjadi Mukim Ulu Nenggiri, Jajahan Gua Musang.

Pada masa ini Pusat Kawal Selia Lojing di Kampung Sigar terletak kira-kira 90 Km dari Bandar Gua Musang dan lebih kurang 40 km daripada Tanah Rata Cameron Highlands.

Kewujudan Jajahan Kecil Lojing akan memberi kemudahan kepada masyarakat dalam beberapa aspek terutamanya dalam hal ehwal Pentadbir Tanah, Kesihatan, Pendidikan, Kebajikan, Keselamatan, Perhubungan dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan kegiatan harian. Satu kawasan seluas 80.6 hektar telah dikenal pasti dan dirancang untuk dijadikan Pusat Perkhidmatan yang akan menempatkan Jabatan kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Kerajaan Negeri optimis untuk menjadikan Jajahan Kecil Lojing sebagai Pusat Pentadbiran, Pusat Agro Cultural dan Pusat Eko - Pelancongan di samping memastikan penyediaan perkhidmatan kepada masyarakat lebih tersusun dan berkesan.



## MAKLUMAT PENGURUSAN TANAH

### A. HAKMILIK YANG DIKELUARKAN OLEH PEJABAT TANAH

HAKMILIK SEMENTARA MUKIM(HSM) : 187 LOT

PAJAKAN MUKIM (PM) : 17 LOT

JUMLAH LOT : 204 LOT

KELUASAN : 380.702 HA

### B. HAKMILIK YANG DIKELUARKAN OLEH PEJABAT PENDAFTAR (PTG)

HAKMILIK SEMENTARA DAFTAR(HSD) : 258 LOT

PAJAKAN NEGERI : 23 LOT

JUMLAH LOT : 281 LOT

KELUASAN : 62,503.17 HA

MENJADIKAN JUMLAH KESELURUHAN

LOT : 485 LOT

KELUASAN : 62,883.872 HA

**TANAH KESULTANAN / SULTANATE LAND DI JAJAHAN KECIL LOJING ADALAH SELUAS 3,775 HEKTAR (PT 5617) SEBAGAIMANA PELAN  
WARTA NO PW 909**

## MAKLUMAT SUMBER ASLI

### PAJAKAN MELOMBONG / MINING LEASE

TERDAPAT 2 PAJAKAN MELOMBONG DI JAJAHAN KECIL LOJING IAITU:

#### LOT 2360

ML 5/2008

PENERIMA PAJAKAN: PETRI JAYA

TEMPOH PAJAKAN: 24 JUN 2008 HINGGA  
23 JUN 2018

LUAS: 457.3 HA

JENIS MINERAL: BIJIH TIMAH

STATUS TERKINI: BELUM BEROPERASI

#### LOT 2364

ML 1/2009

PENERIMA PAJAKAN: PERLOMBONGAN  
GUA MUSANG SDN  
BHD

TEMPOH : 15 JANUARI 2009 HINGGA  
14 JANUARI 2030

LUAS: 240.1 HA

JENIS MINERAL: BIJIH BESI

STATUS TERKINI: BELUM BEROPEASI

Bil.	Nama Institusi / Jabatan	Lokasi
1	Pejabat Kawalselia Lojing, SUK	Tanah Tinggi Lojing
2	Rumah kakitangan, Pejabat Kawalselia Lojing, SUK	Tanah Tinggi Lojing
3	Balai Polis Lojing, PDRM	Tanah Tinggi Lojing
4	Asrama PERKIM, JAKIM	Tanah Tinggi Lojing
5	Asrama Projek D'Raja Kelantan	Tanah Tinggi Lojing
6	Pos Kawalan Biodiversiti Hutan , Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan	Tanah Tinggi Lojing
7	Pusat Latihan Pertanian, KADA	Tanah Tinggi Lojing
8	Pusat Latihan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan	Tanah Tinggi Lojing
9	Pejabat Ladang Rakyat, PMBK	Tanah Tinggi Lojing
10	Pencawang Elektrik, TNB	Tanah Tinggi Lojing
11	Stesen Hujan dan Aras Air Sungai Belatok, JPS Kelantan	Tanah Tinggi Lojing
12	Pusat Dakwah, JHEAIK	Tanah Tinggi Lojing
13	Pejabat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Lojing, JHEOA	Tanah Tinggi Lojing
14	Kawasan Rehat Dan Rawat ( R & R), Majlis Daerah Gua Musang	Jalan Tanah Tinggi Lojing - Kuala Betis
15	Klinik Desa Kuala Betis, Kementerian Kesihatan Malaysia	Kuala Betis
16	Pejabat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Kuala Betis, JHEOA	Kuala Betis
17	Loji Air Kelantan, AKSB	Kuala Betis
18	Masjid Kuala Betis, MAIK	Kuala Betis

**BANCI PENDUDUK ORANG ASLI SEKITAR  
JAJAHAN KECIL LOJING**

BIL	KAWASAN PENEMPATAN	KAUM	BIL KAMPUNG	BIL PENDUDUK
1	Pos Brooke	Temiar	19	2254
2	Pos Hendrop	Temiar	8	580
3	Pos Tuel	Temiar	5	630
4	RPS Balar	Temiar	8	735
5	RPS Kuala Betis	Temiar	23	2069
6	Pos Blau	Temiar	6	418
		Jumlah	69	6686

**6 Kawasan Penempatan Utama**

**69 Buah Kampung**

\* RPS - Rancangan Penempatan Setempat

Maklumat bincian Setakat November 2009

Maklumat terperinci adalah sebagaimana

Lampiran

Sumber diperolehi dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Daerah Gua Musang

**MAKLUMAT SEKOLAH - SEKOLAH DI SEKITAR  
JAJAHAN KECIL LOJING**

Bil.	Nama Sekolah	Jumlah Pelajar	Komposisi Pelajar Mengikut Kaum Melayu / Orang Asli
1	Sk Kuala Betis	800	200 / 600
2	SK Pos Brooke	403	7 / 396
3	SK Pos Hendrop	250	0 / 250
4	SK Pos Blau	118	0 / 118
5	SK Pos Balar	296	0 / 296

Jajahan

**1867**

Terdapat 5 buah Sekolah Kebangsaan dan tidak terdapat sekolah menengah di dalam Jajahan Kecil Lojing

Sumber diperolehi dari Pejabat Pendidikan Daerah Gua Musang

## PERSPEKTIF JAJAHAN KECIL LOJING













## SEKITAR PERASMIAN PELANCARAN JAJAHAN KECIL LOJING

OLEH Y.M.M. PEMANGKU RAJA KELANTAN, 5 OGOS 2010



















